

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat yang berkaitan Surat Kredit Sandar-menyandar ("BBLC") sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dikehendaki supaya meminta penjelasan dari Pengurus Perhubungan EXIM Bank (Bank) yang ditugaskan kepada anda berkenaan sebarang terma dan syarat yang mengatur produk tersebut. Sila pastikan bahawa anda telah memahami sepenuhnya tentang produk dan terma dan syarat bersesuaian dengan keperluan pinjaman dan/atau perniagaan anda.)



Surat Kredit Sandar-menyandar

1. Apakah produk ini?

Surat Kredit Sandar-menyandar ("BBLC") merupakan sejenis surat kredit yang diterbitkan untuk memenuhi transaksi perdagangan antarabangsa melibatkan pengaturan orang tengah. Ia membolehkan anda untuk mendapatkan penghantaran barang dari pembekal sebenar atau membeli barang yang diperlukan dalam surat kredit utama dari pembekal muktamad.

2. Apakah yang akan saya dapat dari produk ini?

- Anda boleh mendapatkan jaminan penghantaran barang dari pembekal sebenar.
- Anda boleh membeli barang yang diperlukan dalam surat kredit utama dari pembekal muktamad.

3. Apakah tanggungjawab-tanggungjawab saya?

Anda hendaklah memastikan had perbankan anda aktif dan mencukupi untuk kegunaan.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	Jenis Fi dan Caj	Kuantum
1.	Komisyen Penerbitan	0.1% sebulan atau sebahagian ; Min: RM200 (untuk pengeluaran sehingga jumlah LC asal)
2.	Pindaan <ul style="list-style-type: none">• Lanjutan Tarikh Pengesahan• Peningkatan jumlah• Pindaan-pindaan lain	<ul style="list-style-type: none">• 0.1% sebulan atau sebahagian untuk tempoh dilanjutkan; Min: RM50• 0.1% sebulan atau sebahagian untuk nilai penambahan; Min: RM50• Rata: RM50 <p>*Untuk denominasi asing: USD50 setara</p>
3.	Caj SWIFT	RM70
4.	Pos / Caj Penghantaran <u>Pihak Tempatan</u> <ul style="list-style-type: none">• Mel Biasa• Mel Berdaftar• Perkhidmatan kiriman cepat/Serahan tangan <u>Pihak Asing</u> <ul style="list-style-type: none">• Mel Biasa• Mel Berdaftar• Perkhidmatan kiriman cepat	 Min.RM3 Min.RM6 Min.RM7 Min.RM4 Min.RM8 Min.RM50 – berbeza mengikut lokasi

Sila minta daripada Pengurus Perhubungan anda untuk piawaian fi dan caj Bank ke atas Produk dan Perkhidmatan Konvensional. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang akan dikenakan kepada kemudahan anda, Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan.

5. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Transaksi perniagaan anda akan tergendala.

6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pinjaman sebelum tempoh matang?

Tidak berkenaan.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

Tidak berkenaan.

8. Apakah risiko – risiko utama yang perlu saya tanggung?

Transaksi perniagaan anda sebagai orang tengah terdedah kepada risiko tidak mendapat penghantaran barang dari pembekal sebenar/pembekal muktamad kepada pembeli.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- Adalah penting untuk anda memberitahu kami mengenai setiap perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan bahawa semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada waktu yang tepat.
- Untuk mengemaskinikan butir-butir hubungan anda, anda boleh memaklumkan kami melalui pelbagai saluran komunikasi seperti di laman sesawang atau di pusat panggilan pelanggan kami di 03-2601 2000.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut:

Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat
Export-Import Bank of Malaysia Berhad
Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469
Laman Sesawang: www.exim.com.my

Jika pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak dapat diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat tambahan mengenai Surat Kredit Sandar-menyarandar boleh didapati di pejabat atau laman sesawang korporat kami: www.exim.com.my.

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD

Aras 1, EXIM Bank, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603-26012000
Faks: +603-26012469

13. Apakah jenis produk Surat Kredit lain yang ditawarkan?

- Surat Kredit
- Surat Kredit Pemakluman
- Surat Kredit Pungutan
- Surat Kredit Pengesahan
- Surat Kredit Tunggu Sedia
- Surat Kredit Boleh Pindah Milik

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TERSEBUT APABILA DITUNTUT

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah setakat 30 Julai 2021.